

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]**

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada jumlah tenaga kerja bagi Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mencukupi untuk menampung beban kerja yang sedia ada dan kian bertambah.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Sekijang, sehingga 31hb Mei 2019, jumlah keseluruhan jawatan di SPRM di seluruh negara adalah seramai 2,937 orang dan hanya 91.8% (2,696 jawatan) sahaja telah dapat dilaksanakan pengisian mengikut kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Daripada jumlah pengisian tersebut seramai 1,854 (68.7%) jawatan merupakan jawatan Pegawai Siasatan / Penolong Pegawai Siasatan SPRM. Manakala bakinya 1,083 adalah terdiri daripada kakitangan gunasama pelbagai skim dan gred.

Bagi menyokong SPRM untuk melaksanakan fungsinya dengan berkesan, Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Bil.3/2018 pada dasarnya telah bersetuju dengan cadangan SPRM untuk menambah 500 jawatan baharu dalam tempoh 5 tahun akan datang. Untuk tahun 2019, SPRM telah pun mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi pertambahan 100 jawatan baharu pelbagai skim dan gred daripada 500 jawatan yang telah diputuskan oleh JKKMAR. Sekian, terima kasih.